



SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/08/56 (HQ)

SYARIKAT IoT MILIK TNB UNGGUL DI ASIA PASIFIK

- Rangkul anugerah Frost & Sullivan 2020 Malaysia Energy Management Solutions New Product Innovation
- Anak syarikat TNB Energy Services, milikan penuh TNB

Syarikat Internet of Things (IoT) milik Tenaga Nasional Berhad, Maevi Sdn Bhd (Maevi) dinobatkan sebagai pemenang anugerah Frost & Sullivan bagi kategori '2020 Malaysia Energy Management Solutions New Product Innovation' pada 18th Annual Asia-Pacific Best Practices Awards baru-baru ini.

Maevi, peneraju sistem pengurusan tenaga pintar bagi bangunan, dimiliki TNB menerusi anak syarikat milik penuhnya, TNB Energy Services Sdn Bhd (TNBES).

Majlis anugerah yang julung kali diadakan secara maya itu berlangsung pada 8 Julai lalu.

Sebanyak 15 pemenang anugerah dari rantau Asia Pasifik diumumkan untuk enam sektor utama iaitu Automotif, Tenaga, Industri Pembinaan dan Alam Sekitar, Kesihatan, ICT dan Logistik.

Anugerah Frost & Sullivan itu mengiktiraf pelbagai syarikat yang memacu trend positif di peringkat Asia Pasifik berdasarkan kajian menyeluruh membabitkan petunjuk prestasi masa nyata seperti penguasaan pasaran, pertumbuhan pulangan, jumlah pelanggan dan inovasi teknologi.

Anugerah telah diterima secara maya oleh Ketua Pegawai Eksekutif Maevi, Izham Ismail.

Pengerusi Maevi merangkap Pengarah Urusan TNBES, Dr. Ir. Ahmad Jaafar Abd Hamid menyifatkan anugerah tersebut sebagai satu lagi pengiktirafan besar kepada usaha TNB dalam membangunkan dan mempromosikan kecekapan tenaga (*energy efficiency*).

"Ia juga menjadi penanda aras baharu bahawa TNB akan terus memacu ke hadapan dalam bidang kecekapan tenaga," katanya.

Maevi yang membangunkan produk berasaskan IoT menyediakan peranti pemantauan tenaga yang membantu pengguna mengawal penggunaan elektrik secara berhemah.

S.A. 2020/08/56 (HQ)

Selain itu, Maevi menawarkan peranti pemantauan keselamatan dan automasi kediaman pintar yang boleh dikawal melalui telefon pintar. Maevi turut membangunkan sistem pengurusan tenaga pintar untuk bangunan komersil, Maevi B. Untuk maklumat lanjut mengenai Maevi, layari www.maevi.my atau www.maevib.com.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 23 Ogos 2020, jam 10:00 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /

Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524

atau emel ke media@tnb.com.my